



SIARAN MEDIA

UDA MALL LANCAR WEBSITE BAHARU DAN RAIKAN PELANGGAN DALAM MAJLIS JALINAN MESRA AIDILFITRI

Johor, 13 Ogos: UDA Holdings Berhad (UDA) menerusi dua anak syarikatnya di selatan tanah air telah menganjurkan Majlis Sambutan Jalinan Mesra Aidilfitri 2015 pada 13 Ogos 2015 bertempat di Concourse Utama Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru. Dua anak syarikat milik UDA ini merupakan UDA Land (South) Sdn Bhd yang merupakan salah satu pelopor pembangunan hartanah di negeri Johor ini seperti Bandar Baharu UDA, Bandar UDA Utama dan Pusat Bandar Tampoi, manakala UDA Angsana Sdn Bhd pula menguruskan kompleks membeli-belah yang dikenali ramai iaitu Angsana Johor Bahru Mall.

UDA Angsana dan juga UDA Land (South) Sdn Bhd telah menjemput Agensi Kerajaan, Badan Beruniform, pelanggan-pelanggan yang dihargai dan juga orang ramai yang sentiasa menyokong teras perniagaan UDA di sekitar Johor Bahru. Majlis telah bermula daripada pukul 11.00 pagi sehingga 4.00 petang dan diselang-selikan dengan pelbagai acara menarik seperti Persembahan Keroncong Asli, Persembahan Tarian Tradisional, Muzik Asli dan pelbagai lagi. Para jemputan turut dihidangkan dengan bermacam-macam juadah yang enak.

Turut hadir memeriahkan majlis tersebut adalah YBhg Datuk Ahmad Bin Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA. Pada majlis yang sama juga, beliau telah merasmikan pelancaran laman sesawang Bahagian Mall dan diiringi oleh En Julainie Bin Mohd Salleh selaku Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Bahagian Mall, Hospitaliti Dan Pengurusan Fasilitas. Orang ramai kini boleh melayari laman sesawang baharu UDA Mall di www.udamall.my dan ianya telah diberi nafas baharu seiring dengan perkembangan teknologi pada masa ini. Pelbagai maklumat semasa UDA Mall boleh didapati melalui laman sesawang tersebut yang sentiasa menyajikan maklumat yang terkini bagi kemudahan pelanggan dan mewujudkan satu sistem yang lebih mesra pengguna.

Kepada yang tua tidak dilupa, seramai 40 orang warga emas dari Rumah Seri Kenangan Ungku Mohsin Johor Bahru turut diraikan di dalam majlis ini. Ini merupakan salah satu tanggung jawab sosial UDA kepada masyarakat yang kurang berkemampuan. Warga emas telah menerima sumbangan berupa duit serta kuih raya dan pakaian dengan harapan dapat mengembirakan hati mereka dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Dengan sumbangan ikhlas ini diharap dapat memacu kejayaan UDA yang akan berterusan khususnya di Negeri Johor Darul Takzim ini.

-tamat-

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Nazri Jamiran

Ketua Pegawai Operasi UDA Angsana
Johor Bahru Mall
L1. 33A Bangunan Plaza Angsana, Pusat
Bandar Tampoi, 81200, Johor Bahru,
Johor, Malaysia
Tel : 07-2351422/1420
Fax : 07-2351921
Email : nazri@udanet.com
H/P : 012-7712442